

Hubungan Antara Cinta Ilmu dan *Al-Falah* Menurut Al-Quran

Nazneen binti Ismail^{1*}, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin²,

¹ Pensyarah. Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, nazneen@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, syaidatun@ukm.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 7 Nov 2019

| Selepas Pembetulan: 12 Nov 2109

| Diterima untuk terbit: 14 Nov 2019

Abstrak

Pembudayaan ilmu dalam masyarakat Islam telah bermula sejak zaman penurunan al-Quran. Wahyu pertama yang mengandungi perintah membaca membuktikan kepentingan ilmu dalam Islam. Namun, budaya ilmu ini dikhuati semakin luntur saban hari kerana disibukkan dengan cara hidup hedonistik yang berkait rapat dengan perkembangan teknologi maklumat. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menghuraikan hubungan antara cinta ilmu dan al-falah menurut al-Quran. Kajian dilakukan dengan meneliti ayat-ayat al-Quran secara bertema dan mendapatkan kesimpulan. Hasil penelitian menunjukkan hubungan antara cinta ilmu dan *al-falah* adalah didasarkan kepada ketakwaan kepada Allah SWT. Ilmu yang disertai dengan iman akan menatijahkan takwa yang merupakan syarat utama *al-falah*. Ini menjadi asas kepada penegasan tujuan pendidikan dalam Islam iaitu selain kejayaan akademik, aspek keperibadian dan keimanan juga mesti dijadikan tumpuan.

Kata kunci

budaya ilmu, cinta ilmu, takwa, *al-falah*, keperibadian

Abstract

The wisdom culture in the Muslim community has begun since the first revelation of Quran. However, this culture became wore off from time to time because of the hedonistic and technology-based lifestyle nowadays. Therefore, this article aims to explain the relationship between love for knowledge and al-falah from the Quranic perspective. The verses of al-Quran had been analyzed in a thematic way based on these two themes. The results showed that the relationship between love for knowledge and al-falah is based on piety (taqwa). Wisdom accompanied by faith will generate piety which were the main requirement of al-falah. This proved that the purpose of education in Islam is not limited to academic success only but also emphasized the personality and faith aspects.

Keywords

Wisdom culture, love for knowledge, piety, al-falah, personality

1. Pendahuluan

Islam adalah agama yang menjadikan ilmu sebagai kewajiban bagi setiap Muslim kerana hubungannya dengan iman dan takwa kepada Allah SWT. Ia bermakna ilmu yang diperoleh selayaknya menjadikan seorang insan semakin mengenali hakikat diri sebagai hamba sekali gus mengenali Tuhannya (al-Ghazali 2004; Wan Mohd Nor 1995). Selain itu, ilmu juga membantu manusia dalam mentadbir alam bagi kepentingan mereka (al-Quran 31:20). Hasilnya, pelbagai tamadun telah dibangunkan sepanjang sejarah dunia seperti Tamadun Mesir, Tamadun Rom, Tamadun Yunani, Tamadun China, Tamadun India dan Tamadun Islam.

Namun begitu, era ledakan maklumat hari ini mempamerkan kepada kita bahawa keilmuan tidak hanya terhad kepada kebolehan membaca, menulis dan berfikir tetapi ia perlu dilandaskan dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Kelemahan dalam menganalisis maklumat dan memilih sumber rujukan yang absah akan melemahkan kawalan diri seseorang sehingga menyebabkannya terpengaruh dengan anasir negatif sama ada daripada media atau lingkungan persekitaran (Ahmad Bani & Najeh 2017; Muhammad Adhan & Nurani 2018; Husin 2011; Siti Raba'ah et al. 2013; Wan Norina et al. 2013).

Justeru, makalah ini akan menghuraikan hubungan antara kecintaan kepada ilmu dengan aspek kecemerlangan (*al-falah*) dalam Islam berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan dalam Al-Quran. Ia adalah penting bagi generasi yang terlibat secara langsung dengan komuniti atas talian bagi menunjukkan bahawa keilmuan sama sekali tidak boleh dipisahkan daripada ketauhidan kepada Allah SWT. Kedua-duanya adalah sama penting dan perlu diambil berat bagi Muslim pada hari ini.

2. Keperibadian cinta ilmu dalam al-Quran

Kelebihan manusia yang paling utama ialah potensi keupayaan menerima ilmu yang dikurniakan seiring dengan akal sebagai salah satu unsur rohani dalam diri (al-Quran 2:31-33). Sehubungan itu, al-Quran mengungkapkannya keperibadian ilmuwan dengan pelbagai bentuk iaitu:

2.1 *Ulu al-albab*

Antara gambaran peribadi ilmuwan yang dinyatakan dalam al-Quran ialah istilah *ulu al-albab* (أولوا الألباب) atau diertikan dengan mereka yang mempunyai pandangan mendalam. Firman Allah SWT dalam al-Baqarah (2:269) yang bermaksud: *Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya), dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak, dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya (mempunyai pandangan mendalam).*

Ulu al-albab ialah golongan yang diberikan hikmah. Sebahagian mufassir menyatakan hikmah bermaksud mengetahui dan menguasai ilmu al-Quran (al-Tabari, t.th) serta meletakkan sesuatu pada tempat yang bermanfaat. Ini juga bermaksud melakukan segala yang diperintahkan Allah SWT dan meninggalkan laranganNya kerana dalam setiap syariat Allah SWT itu terkandung manfaat bagi manusia dan

sekelilingnya (al-Sya'rawi, 1991). *Ulu al-albab* juga mampu untuk memahami ayat mutasyabihat iaitu ayat yang tidak mudah difahami secara terus hanya dengan membacanya (al-Quran 3:7). Ia berbeza dengan ayat muhkamat yang mengandungi perintah atau larangan secara jelas. Ayat-ayat mutasyabihat tidak diturunkan untuk menjelaskan tentang hukum, tetapi ia berkaitan dengan keimanan. Maka, ayat mutasyabihat diturunkan untuk diimani sedangkan ayat muhkamat diturunkan untuk diamalkan (al-Sya'rawi 1999).

Kelebihan mereka juga tidak hanya dari segi keilmuan sahaja bahkan juga dikukuhkan dengan keimanan jitu kepada Allah SWT dan segala yang diturunkannya (al-Quran 13:19 dan al-Quran 14:52). Ciri ini menjadikan mereka tergolong dalam kalangan yang bertaqwa. Firman Allah dalam al-Baqarah (2:197) yang bermaksud: *bertaqwalah kepadaKu Wahai orang-orang Yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)*. Daya kefahaman mereka yang tinggi didasari dengan keimanan dan ketaqwaan adalah faktor utama mereka mampu memahami maksud dan hikmah di sebalik semua perkara di atas dunia ini sama ada ia bersifat sunnatullah ataupun syariat Allah SWT. Mereka memahami hikmah di sebalik hukuman *qisas* dalam hudud (al-Quran 2:179), mereka juga memerhatikan penciptaan alam dan menguatkan keimanan mereka menerusinya (al-Quran 3:190).

Al-Quran juga menjelaskan bahawa *ulu al-albab* mampu membezakan keburukan dengan kebaikan tatkala orang lain dikelirukan dengan kecantikan luaran. Firman Allah SWT dalam al-Ma'idah (5:100) yang bermaksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tidak sama Yang buruk Dengan Yang baik, Walaupun banyaknya Yang buruk itu menarik hatimu. oleh itu bertaqwalah kepada Allah Wahai orang-orang Yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya.*

2.2 *Ulu al-Absar*

Selain daripada ungkapan *ulu al-albab*, al-Quran juga menggunakan istilah *ulu al-absar* bagi menggambarkan golongan yang mengambil peringatan dari peristiwa dan kejadian alam. Firman Allah SWT dalam Ali Imran (3:13) yang bermaksud: *Sesungguhnya telah ada satu tanda (bukti) bagi kamu pada (peristiwa) dua pasukan Yang telah bertemu (di medan perang); satu pasukan (orang-orang Islam) berperang pada jalan Allah (kerana mempertahankan agama Allah), dan Yang satu lagi dari golongan kafir musyrik. mereka (yang kafir itu) melihat orang-orang Islam Dengan pandangan mata biasa - dua kali ramainya berbanding Dengan mereka sendiri. dan Allah sentiasa menguatkan sesiapa Yang dikehendakiNya, Dengan memberikan pertolonganNya. Sesungguhnya pada peristiwa itu terdapat satu pengajaran Yang memberi insaf bagi orang-orang Yang berfikiran (yang celik mata hatinya).*

FirmanNya lagi dalam al-Nur (24:44) bermaksud: *Allah menukarkan malam dan siang silih berganti; Sesungguhnya Yang demikian mengandungi pelajaran Yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang Yang celik mata hatinya berfikir.* Ungkapan yang membawa maksud yang sama juga dinyatakan dalam al-Hasyr (59:2) bermaksud: *maka insaflah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) Wahai orang-orang Yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.*

Ilmu yang diperoleh ini pula perlu diajarkan kepada manusia lain agar mereka juga dapat memahami segala yang tersirat daripada segala apa yang berlaku dalam dunia ini. Sabda Rasulullah SAW:

أَفْضَلُ الصَّدَقَةِ أَنْ يُتَعَلَّمَ الْمَرْءُ الْمُسْلِمُ عِلْمًا ثُمَّ يُعَلِّمَهُ أَحَاهُ الْمُسْلِمِ

Maksudnya: Sedekah yang paling utama ialah seorang Muslim mempelajari ilmu kemudian mengajarkannya kepada saudaranya yang Muslim.

Ibn Majah, no 282

Berdasarkan ayat yang dikemukakan dengan ciri-cirinya, dapat difahami bahawa terdapat persamaan antara dua golongan ini. Ciri utama adalah mereka merupakan golongan yang diberikan hikmah dan ilmu pengetahuan oleh Allah SWT, mereka juga memiliki daya taakul yang tinggi yang menatijahkan ketakwaan kepada Allah SWT.

2.3 *Al-Rasikhun fi al-'ilm*

Ungkapan ini disebut dalam Ali Imran 3:7, di mana ayat yang sama diungkapkan juga kalimah *ulu al-albab* dengan erti kata golongan yang faham maksud tersirat atau ayat mutasyabihat serta beriman dengan semua yang diturunkan Allah SWT. Manakala dalam Al-Nisa' (4:162) dinyatakan golongan ini sebagai mereka yang beriman, mendirikan solat, menunaikan zakat, beriman kepada Allah dan hari akhirat serta dijanjikan ganjaran yang besar. Firman Allah SWT (al-Quran 4:162) yang bermaksud: *tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang yang beriman, sekaliannya beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu (Al-Quran), dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu, - khususnya orang-orang yang mendirikan sembahyang, dan orang-orang yang menunaikan zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; mereka itulah yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) yang amat besar.*

2.4 Ulama

Selain daripada ungkapan khusus seperti di atas, ayat al-Quran lain menyebut ungkapan umum sebagai ulama (العلماء) atau mereka yang mengetahui (يعلمون). Antaranya firman Allah SWT dalam Fatir (35:28) yang bermaksud: *sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.*

Kedudukan para ulama juga dijelaskan Allah SWT sebagai mereka yang mempunyai darjat lebih tinggi berbanding yang lain. Ketinggian darjat ini juga dikurniakan kepada golongan Mukmin. Ini menggambarkan bahawa keilmuan dan keimanan adalah perkara pokok yang menentukan darjat seseorang di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Mujadalah (58:11) yang bermaksud: *supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.*

Malah, Rasulullah SAW juga mengungkapkan kedudukan ulama sebagai pewaris para nabi. Sabda baginda SAW:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا مِنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا لِطَالِبِ الْعِلْمِ وَإِنَّ الْعَالِمَ لَيْسْتَعْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالْحَيَاتَانِ فِي جَوْفِ الْمَاءِ وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ

Maksudnya: Barangsiapa yang melalui jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT akan sediakan jalan baginya menuju ke syurga, dan sesungguhnya para malaikat menghamparkan sayap-sayapnya sebagai tanda reda kepada para penuntut ilmu. Sesungguhnya bagi orang alim itu, akan dipohon ampunan baginya oleh segala yang berada di langit, di bumi dan ikan-ikan di air. Dan sesungguhnya keutamaan orang alim ke atas abid seumpama keutamaan bulan penuh pada malam ia mengambang ke atas planet-planet, dan sesungguhnya para ulama adalah pewaris nabi, dan para nabi tidak mewariskan dinar mahupun dirham sebaliknya mereka mewariskan ilmu. Maka, barangsiapa yang mengambilnya, maka dia beruntung.

Abi Daud, no 3157

Kedudukan orang yang berilmu ini juga dibandingkan dengan mereka yang tidak berilmu atau jahil. Perbandingan ini bukan sahaja dari segi tahap pengetahuan mereka, bahkan juga penilaiannya di sisi Allah SWT. Allah SWT menempelak orang kafir yang mencela golongan Mukminin sebagai bodoh sedangkan di sisi Allah SWT mereka yang sebenar-benar bodoh ialah yang mengutamakan nafsu syahwat berbanding kebenaran. Firman Allah SWT dalam al-Baqarah (2:13) yang bermaksud: *dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang itu telah beriman". mereka menjawab: "Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu?" Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*

Tahap keilmuan ini diukur berdasarkan kemampuan seseorang memahami perbandingan dan perumpamaan yang diberikan Allah SWT. Sehingga dengan sebab perbandingan tersebut, jurang antara mereka yang diberikan petunjuk dengan mereka yang disesatkan dapat dilihat. Firman Allah SWT juga dalam al-Baqarah (2:26) bermaksud: *Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik;*

Malah, berilmu adalah termasuk dalam syarat pemilihan pemimpin selain mempunyai tubuh badan yang gagah. Firman Allah SWT dalam al-Baqarah (2:247) yang bermaksud: *Nabi mereka berkata: "Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakkannya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan". dan (ingatlah), Allah jualah yang*

memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah Maha Luas (rahmatNya dan pengurniaanNya), lagi meliputi ilmuNya.

Dalam masa yang sama, Allah SWT menunjukkan kepada kita bahawa keilmuan sahaja tidak memadai jika tidak disertai dengan keimanan kepadaNya. Ia seperti apa yang telah dilakukan oleh para pendeta Yahudi apabila mereka memutar belit ayat-ayat Allah SWT dengan sengaja. Firman Allah SWT dalam al-Baqarah (2:75) yang bermaksud: *(Sesudah kamu - Wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu - mengetahui tentang kerasnya hati orang-orang Yahudi itu) maka bolehkah kamu menaruh harapan bahawa mereka akan beriman kepada seruan Islam yang kamu sampaikan itu, padahal sesungguhnya telah ada satu puak dari mereka yang mendengar Kalam Allah (Taurat), kemudian mereka mengubah dan memutarakan maksudnya sesudah mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui (bahawa perbuatan itu salah)?*

Sehubungan itu, Rasulullah SAW mengajarkan kepada kita agar sentiasa memohon perlindungan daripada ilmu yang tidak bermanfaat. Sabda baginda SAW:

سَلُوا اللَّهَ عِلْمًا نَافِعًا وَتَعَوَّدُوا بِاللَّهِ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ

Maksudnya:

Pintalah kepada Allah ilmu yang bermanfaat dan mohonlah perlindungan dengan Allah SWT daripada ilmu yang tidak bermanfaat.

Ibn Majah, no 3833

Termasuk ilmu yang tidak bermanfaat ialah ilmu yang dituntut dengan niat selain daripada Allah SWT. Kesannya juga buruk iaitu akan diazab dalam neraka kelak. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِيُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ أَوْ لِيُبَاهِيَ بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ لِيَصْرِفَ وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْهِ فَهُوَ فِي النَّارِ

Maksudnya: Barangsiapa yang menuntut ilmu untuk bertengkar dengan orang bodoh atau bermegah-megah dengannya di hadapan ulama atau agar manusia memandang kepadanya, maka dia berada di dalam neraka.

Ibn Majah, no 249

3. Keperibadian *al-falah* dalam al-Quran

Kalimah *al-falah* bermaksud kecemerlangan dan kejayaan. Manakala apabila ia disandarkan kepada pelaku atau orang memiliki ciri kecemerlangan, dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Muflihun*. Ciri utama golongan ini ialah sentiasa beriltizam dengan Islam dan rukun-rukunnya serta beriltizam dengan Iman dan rukun-rukunnya (al-Syirman 2012). Ini bermakna ciri utama bagi peribadi cemerlang menurut al-Quran ialah keimanan kepada Allah SWT, para malaikat, al-Quran dan kitab-kitab sebelumnya, para nabi dan rasul, hari akhirat, qada' dan qadar serta perkara ghaib. Mereka juga sentiasa melakukan amal soleh kesan daripada keimanan yang dimiliki khususnya mendirikan solat dan menunaikan zakat (Asma' 2011). Selain itu, mereka juga golongan yang fokus kepada penyucian jiwa melalui amalan-amalan hati seperti

taubat, takwa, sabar, zikir dan syukur (al-Syirman 2012; Zyoud 2010; Asma' 2011). Di samping itu, mereka menunaikan tanggungjawab dakwah dan jihad kepada masyarakat sekeliling dengan menyeru untuk beramal soleh, mencegah kemungkaran dan sentiasa memberikan manfaat kepada orang lain (Siti Rahmatul 2018; Hasan 1989).

Dalam al-Quran, golongan ini diberikan kriteria yang khusus, antaranya ialah sentiasa mendapat petunjuk (al-Quran 2:5; 31:5), menyeru kepada kebaikan, menyuruh perkara ma'ruf dan mencegah perkara mungkar (al-Quran 3:104), beriman kepada Rasulullah SAW, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti al-Quran (al-Quran 7:157), berjihad di jalan Allah SWT dengan harta dan diri mereka (al-Quran 9:88), akur dengan pengadilan dan hukuman Rasulullah SAW (al-Quran 24:51), menginfak harta dan mengharapkan reda Allah SWT (al-Quran 30:38), beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, tidak berkasih sayang dengan mereka yang memusuhi Allah SWT dan memperkuat keimanan mereka (al-Quran 58:22), tidak kedekut (al-Quran 59:9; 64:16), sentiasa bertaubat, beriman dan beramal soleh (al-Quran 28:67).

Di atas keteguhan iman mereka, Allah SWT menjanjikan balasan yang baik seperti timbangan yang berat (al-Quran 7:8; 23:102), dimasukkan ke dalam syurga, mendapat reda Allah dan mereka juga merasa puas dengan limpah rahmatNya. Firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah (58:22) yang bermaksud: *Mereka itulah orang-orang yang telah menanamkan keimanan dalam hati mereka dan menguatkan mereka dengan pertolongan yang datang daripadaNya. Dan dimasukan-Nya mereka ke dalam surga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Allah ridha terhadap mereka, dan merekapun merasa puas terhadap (limpahan rahmat)Nya. Mereka itulah golongan Allah. Ketahuilah, bahwa sesungguhnya hizbullah itu adalah golongan yang beruntung*

Berdasarkan ayat 1 hingga 11 Surah al-Mu'minun, terdapat tujuh ciri peribadi *al-falah* yang dinyatakan iaitu beriman, mengerjakan solat dengan khusyuk, meninggalkan perkara yang sia-sia sama ada perkataan mahupun perbuatan, membayar zakat, menjaga maruah, menjaga amanah dan janji serta memelihara solat.

3.1 Beriman

Beriman merupakan ciri pertama yang disebutkan sebagai orang berjaya dan cemerlang kerana kejayaannya untuk bebas daripada perhambaan hawa nafsu dunia dan syaitan. Keimanan tidak memadai hanya dengan pengakuan lidah tetapi perlu diikuti dengan bukti dan amal soleh. Kemudian, bukti-bukti ini akan kembali menguatkan Iman. Hubungan antara iman dan amal soleh adalah bersifat timbal balik dan saling menguatkan antara satu dengan lain. Maka, syarat kecemerlangan bagi seorang mukmin ada pada enam ciri seterusnya yang dinyatakan dalam surah ini (HAMKA 1987).

3.2 Khusyuk dalam solat

Maksud khusyuk dalam solat ialah melakukan solat dalam keadaan tenang memandang tempat sujud dan tidak memandang ke tempat lain di samping hati juga tunduk dan tidak menyibukkan diri dengan benda lain sebaliknya menghadirkan Allah

SWT di hadapannya. Dalam solat juga, maksud setiap ayat diperhatikan agar tidak lalai daripada zikrullah. Ini adalah ciri solat yang berkesan dan disifatkan sebagai mampu mencegah pelakunya daripada perbuatan keji dan mungkar kerana solat didirikan dalam keadaan takut kepada Allah SWT. Ketundukan dalam solat diiringi dengan iltizam dengan kefarduan atas diri dan ibadah serta meninggalkan perkara yang diperintahkan untuk ditinggalkan (al-Razi 1981; al-Sya^crawi 1991; al-Tabari t.th).

3.3 Meninggalkan perkara sia-sia

Perkara sia-sia atau lagha merangkumi perkara haram, makruh, maksiat dalam perkataan dan perkara harus yang tiada keperluan (al- Razi 1981; al-Tabari t.th) serta setiap perkara yang tidak mendapat pahala daripada Allah SWT (al-Sya^crawi 1991). Ia adalah perkara yang mesti ditinggalkan bagi mencapai kesempurnaan iman seperti dalam hadis Rasulullah SAW:

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ

Maksudnya: Di antara tanda kebaikan kelslaman seseorang: jika dia meninggalkan hal-hal yang tidak bermanfaat baginya.

al-Tirmidhi, no. 2239

3.4 Menunaikan zakat

Seterusnya menunaikan zakat secara umumnya ditafsirkan sebagai semua perkara yang terpuji dan diredai Allah SWT. Namun, secara khusus ia adalah hak yang wajib pada harta seseorang. Zakat adalah gandingan dan merupakan kesempurnaan kepada amalan solat (al-Razi 1981). Manusia mempunyai sifat lalai menjadikan mereka sibuk mengumpul harta sehingga bercampur dengan perkara syubhat. Maka, ia perlu kepada penyucian (*al-tathir*). Selepas penyucian, harta akan bertumbuh dan berkembang. Meskipun zahirnya tampak berkurang tetapi disebaliknya terdapat berkat. Bertentangan dengan riba yang zahirnya tampak bertambah tetapi hakikatnya batil (al-Sya^crawi 1991).

3.5 Menjaga maruah

Selain itu, seorang yang cemerlang mengambil berat soal pemeliharaan maruah. Kehendak seksual hanya ditunaikan kepada pasangan yang dihalalkan Allah SWT (al-Razi 1981; al-Tabari, t.th). Ini juga menjadi dalil pengharaman nikah mut'ah kerana wanita tersebut bukan isteri kerana tidak halal dan tidak berhak mewarisi harta (al-Razi 1981). Pemeliharaan ini adalah sesuai dengan tujuan penciptaan manusia itu sendiri kerana tujuan hubungan seksual adalah untuk menjaga nasab manusia (al-Sya^crawi 1991).

3.6 Memelihara amanah dan janji

Peribadi yang cemerlang juga memelihara amanah dirinya terhadap manusia lain dan amanah seorang hamba kepada tuhanNya termasuk ibadat (al-Razi 1981). Amanah yang paling utama ialah amanah yang diberikan Allah SWT kepada hambaNya. Seterusnya kewajipan menunaikan janji sesama manusia. Kewajipan ini terhad kepada

perkara bukan maksiat. Menepati janji ditekankan kerana terdapat ikatan antara seseorang dengan orang lain di sebalik janji tersebut (al-Sya'rawi 1991).

3.7 Memelihara solat

Selanjutnya, Allah SWT menekankan aspek penjagaan solat. Al-Razi (1981) menafsirkan bahawa menjaga solat dan khusyuk dalam solat ialah perkara yang berbeza. Khusyuk berlaku ketika seseorang sedang mengerjakan solat. Perintah menjaga atau memelihara solat adalah merujuk kepada kesempurnaan solat itu. Justeru, menjaga ibadah solat juga merangkumi kepatuhan kepada syarat-syaratnya dari segi waktu solat, taharah dan melakukan rukun dengan sempurna. Malah, al-Tabari (t.th) menyatakan bahawa sikap berhati-hati dalam urusan dunia agar tidak terlepas waktu solat juga termasuk dalam kesempurnaan solat.

4. Hubungan antara ciri cinta ilmu dan *al-falah*

Al-falah merupakan wasilah bagi Mukmin untuk mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat. Kesempurnaan iman bagi seseorang dikira apabila dia berjaya mencapai darjat taqwa di sisi Allah SWT (Danial 2006; Sidek 2003; Noor Hayati 2016). Firman Allah SWT dalam Al-Hujurat (49:13) yang bermaksud: *Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya.*

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, difahami bahawa terdapat hubungan secara langsung antara ilmu dan keperibadian Muslim terbaik. Malah, ukuran ketakwaan seseorang juga boleh dinilai berdasarkan ilmu yang ada dalam dirinya. Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri pencinta ilmu dan peribadi *al-falah* menurut al-Quran.

Jadual 1 Ringkasan ciri-ciri pencinta ilmu dan *al-muflihun*

Pencinta ilmu	Peribadi <i>al-falah</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Beriman • Bertaqwa • Dikurniakan hikmah • Melakukan perintah Allah SWT • Meninggalkan larangan Allah SWT • Mempunyai kefahaman al-Quran mendalam • Memahami hikmah syariat dan penciptaan alam • Berfikir • Mengambil pengajaran • Mendirikan solat • Menunaikan zakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Beriman • Khusyuk dalam solat • Meninggalkan perkara sia-sia • Berzakat • Menunaikan amanah dan janji • Menjaga maruah • Memelihara solat • Menyeru kepada kebaikan, • Menyuruh perkara ma'ruf • Mencegah perkara mungkar • Berjihad di jalan Allah SWT dengan harta dan diri • Tidak berkasih sayang dengan mereka yang memusuhi Allah SWT • Memperkuatkan keimanan • Tidak kedekut • Sentiasa bertaubat

Berdasarkan jadual ini, dirumuskan bahawa keimanan menjadi asas kepada hubungan antara cinta ilmu dan keperibadian *al-falah* dalam Islam. Hubungan yang timbal balik ini adalah saling menguatkan dan memerlukan antara satu dengan yang lain. Perlu ditegaskan bahawa untuk mencapai *al-falah* di dunia dan akhirat, seseorang itu perlu kepada ilmu. Walaupun begitu, ilmu secara teori sahaja tidak memadai tetapi ia perlu disertai dengan amal soleh. Ciri-ciri ini berbeza dengan keilmuan yang difahami masyarakat umum iaitu tertumpu kepada unsur akal atau intelek manusia sahaja. Al-Quran menunjukkan bahawa keilmuan perlu mengatasi perkara-perkara tampak zahir. Seorang yang cintakan ilmu akan melazimkan diri untuk berfikir dan merenung perkara yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Selain itu, dengan mempunyai keperibadian *al-muflihun*, seseorang itu akan sentiasa berhati-hati dalam tindakan dengan mengambil kira hubungannya dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Mereka juga cenderung untuk menyebarkan kebaikan untuk dijadikan amalan bersama masyarakat dan mencegah kemungkaran untuk mengekalkan keharmonian. Ia dilaksanakan melalui amar makruf dan nahi mungkar. Maka, dengan hikmah yang dikurniakan Allah SWT, golongan yang memiliki kedua-dua ciri ini berperanan sebagai *da'i* dalam masyarakat di dunia nyata dan juga atas talian.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, setiap daripada mukmin perlu berusaha untuk menjadi *ulu al-albab* iaitu golongan yang mempunyai ciri ilmu dan iman ini. Gandingan antara kedua-dua elemen ini akan menatijahkan darjat tertinggi dalam keimanan iaitu *al-falah* yang juga diertikan sebagai takwa. Maka, melalui kefahaman ini dilihat bahawa kecemerlangan dalam Islam memiliki sisi pandang yang lebih luas dan tidak hanya diukur melalui pencapaian duniawi sahaja. Sebaliknya, ia berkehendak kepada kecemerlangan hakiki iaitu syurga di akhirat kelak.

Rujukan

Al-Qur'an.

- Ahmad Bani Ismail & Najeh Zawahreh. (2017). Self-control and its relationship with the internet addiction among a sample of Najran University Students. *Journal of Education and Human Development* Vol 6, Issue 2, pg 168-174.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Tusi. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Razi, Fakhr al-Din, Muhammad bin 'Umar. (1981). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (1991). *Tafsir al-Sya'rawi-Khawair al-Sya'rawi Hawl al-Qur'an al-Karim*. T.tpt: Akhbar al-Yaum Idarah al-Kutub wa al-Maktabah.
- Al-Syirman, Ahmad Muhammad Mahmud. (2012). Sifat al-Muflihun fi al-Quran al-Karim wa In'ikasatiha al-Tarbawiyah 'ala al-Mujtama' al-Islam. Tesis Dr. Fal, Kulliyah al-Tarbawiyah, Jamiah Yarmouk.
- al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (T.th). *Jam' al-Bayan 'an ta'wil al-Qur'an*. Tahqiq: Mahmud Muhammad Syakir. Kaherah: Maktabat Ibn Taymiyyah.

- Asma' Muhammad Al-^cAjlan. (2011). *Al-Falah wa al-Khusran fi al-Qur'an al-Karim*. Tesis Sarjana, Qism al-Qur'an wa ^cUlumuh, Kulliyah Usul al-Din. Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa^cud al-Islamiyyah.
- Danial Zainal Abidin. (2006). *Tip-Tip Cemerlang Daripada Quran*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- HAMKA. (1987). *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 17-18-19-20. Jakarta: PT Pustaka Panjimas.
- Hasan Langgulang. (1989). *Research in Psychology: Toward an Ummatic Paradigm*. International Institute of Islamic Thought.
- Husin Junoh. (2011). Faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Muhammad Adnan Pitchan dan Nurani Mohd. (2018). Seks siber dalam kalangan remaja: kajian terhadap pemahaman, persepsi, penerimaan & faktor. Dlm. E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018. Jil 1. Hlm. 30-40. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 23-24 April.
- Noor Hayati Kusnin. (2016). Tahap Kefahaman Murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa 2 Daerah Hulu Selangor Terhadap Konsep al-Falah. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Baba. (2003). Globalisasi dan cabaran pendidikan Islam. Dlm. Suzalie Mohamad & Institut Kefahaman Islam Malaysia (pnyt.) *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*, hlm. 3-13. Institut Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur.
- Siti Rohmatul Ummah. (2018). Hubungan antara al-fallāh (petani) dengan konsep al-falāh dalam al-Qur'an. *Pancawahana: Jurnal Studi Islam* Vol 13. Isu 1, April 2018, hlm. 41-71.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1995). *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zyoud, Ibrahim MT. (2010). *Al-Falah Fi Al-Qur'an: Dirasah Mawdu'iyah*. Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.